



# ANALISIS MAKNA KONTEKSTUAL HADIS PERANAN IBU TERHADAP PEMBENTUKAN SPIRITUAL ANAK BERDASARKAN HADIS SAHIH AL-BUKHARI

(Contextual Analysis of the Hadith from Sahih al-Bukhari Regarding the Role of Mothers in Shaping the Children's Spiritual Development)

Norzulaili Mohd Ghazali<sup>1</sup>, Mawaddah Abd Manan<sup>2</sup>, Zulhilmi Mohamed Nor<sup>3</sup>, Robiatul Adawiyah Mohd<sup>4</sup>,  
Nadzrah Ahmad<sup>5</sup>

<sup>1,2,3,4</sup> *Fakulti Pengajian Al-Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, <sup>5</sup>Jabatan Quran dan Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*

## Abstract

*The disregard for the spiritual dimension of children, particularly within the contemporary technological era, contributes significantly to the erosion of ethical values within familial domains. Therefore, the spiritual formation of children must be emphasized by parents, with a particular emphasis on mothers, who occupy the most proximate role in their children's lives. The exemplary source of spiritual formation is the teachings of Prophet Muhammad (PBUH), as he is the best example to follow in family life. Thus, this study aims to extract hadiths from Sahih al-Bukhari regarding the role of mothers in shaping the spiritual development of children. The extracted hadiths will be analyzed to identify the contextual meanings of these hadiths. This study employed the qualitative method based on the text analysis approach using the extraction of hadiths related to the role of mothers from Sahih al-Bukhari, applying the Theory of Semantic Fields (SFT) for the term "umm" (mother). This theory is applied to identify hadiths related to the role of mothers based on the term "umm" and its synonyms, antonyms, hypernyms, and meronyms. The result of the study shows a total of 5 hadiths directly related to the spiritual formation of children. These 5 hadiths encompass aspects of instilling faith, adopting an approach to train children in performing worship, and praying for children. In conclusion, spiritual formation within children, guided by the hadiths of the Prophet Muhammad, peace be upon him, serves as a comprehensive guide to shaping their character and nurturing them into pious individuals.*

**Kata Kunci:** *Contextual Meaning Mother's Role, Spiritual Development of children*

## Article Progress

Received: 29 August 2023  
Revised: 14 September 2023  
Accepted: 20 October 2023

\*Corresponding Author:  
Norzulaili Mohd Ghazali.  
*Fakulti Pengajian Al-Quran dan Sunnah, USIM.*  
Email:  
norzulaili@usim.edu.my

## PENDAHULUAN

Pembentukan sahsiah anak dan keluarga mengikut panduan al-Quran dan hadis terletak di atas bahu kedua ibu bapa. Walau bagaimanapun, sosok ibu merupakan watak utama dalam pengurusan kehidupan anak-anak disebabkan ibu adalah orang yang paling hampir dengan anak-anak. Sabda Nabi SAW:

(رواه البخاري) والمرأة راعية على أهل بيت زوجها وولده وهي مسئولة عنهم

Terjemahan: “Seorang perempuan pemimpin rumah suaminya dan anak-anaknya dan dia bertanggungjawab ke atas mereka” (Sahih al-Bukhari, kitab ahkam, bab firman Allah taatlah kepada Allah, rasul dan ulil amri, no.7138, 23/354).

Berdasarkan hadis ini, ibu berperanan mengurus, mendidik dan mengembangkan setiap aspek kehidupan anak-anaknya sama ada dari aspek akhlak, sosial, intelektual dan lain-lain. Sebagaimana

yang disebutkan oleh Ibn Hajar (2002), kepemimpinan seorang perempuan adalah mengatur urusan rumah, anak-anak, pembantu, dan memberi nasihat kepada suami khususnya dalam hal rumahtangga.

Menyentuh mengenai pengurusan anak, ia melibatkan aspek spiritual, moral, fizikal, psikologi, seksual dan sosial (al-Nahlawi, 2007; Fauziyah, 2019). Ulwan (1992) menegaskan aspek utama yang perlu ditekankan oleh ibu dalam mengurus anak-anak ialah aspek spiritual. Pengurusan dan pembentukan spiritual anak yang perlu dicontohi oleh para ibu ialah seperti yang diajarkan oleh Nabi SAW kepada sahabatnya (Suriani et al, 2017). Jika aspek ini diabaikan, ia akan mempengaruhi aspek lain seperti akhlak, sosial dan lain-lain (Suriani et al, 2018). Seperti yang dibuktikan oleh Cut Irhamna (2021), salah satu sebab kejatuhan moral anak dalam era teknologi kini ialah kelemahan pendidikan spiritual anak dalam keluarga.

Dalam pada itu, penyemaian unsur spiritual dalam diri anak berdasarkan hadis Nabi SAW mestilah diteliti terlebih dahulu ketulenan hadis dan ketepatan maksudnya. Pemahaman hadis secara tepat penting agar tidak membawa kepada salah tafsir atau lebih dahsyat lagi salah beramal dengan ajaran Nabi SAW.

Selain daripada itu, secara umumnya, bagi menjadikan hadis sebagai panduan, sesebuah hadis itu perlu difahami secara tekstual dan juga makna kontekstualnya. Ini penting bagi memberi jaminan relevansi hadis sebagai rujukan sepanjang zaman. Justeru, dalam membentuk spiritual anak, bukan sahaja pendekatan tekstual yang akan diberi perhatian, bahkan makna kontekstual hadis juga akan turut dikupas. Penekanan seumpama ini penting bagi mengenalpasti makna tersurat dan tersirat bagi sesebuah hadis.

Oleh yang demikian, kajian ini akan membincangkan peranan ibu terhadap pembentukan spiritual anak berdasarkan pemahaman tekstual dan kontekstual hadis-hadis yang berkaitan. Pemahaman tekstual bermaksud pemikiran dan pendekatan berdasarkan teks atau makna *harfiyah* teks (Muhammad, 2016). Manakala makna kontekstual merangkumi pemahaman bahasa Arab, pemahaman hadis berdasarkan al-Quran dan hadis lain, pemahaman ilmu hadis dan ilmu fiqh, pengetahuan sejarah Islam dan bersederhana dalam menjelaskan hadis (Ikmal Hafiz et al., 2018). Selain itu, pemahaman makna kontekstual juga perlu disesuaikan dengan konteks semasa (Alamsyah et al., 2020). Tuntasnya, pendekatan mengenalpasti makna kontekstual mampu menjadi mekanisme relevansi hadis sebagai sumber kehidupan.

## **Peranan Ibu**

Allah SWT berfirman yang bermaksud “Dan kami perintahkan kepada manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya mengandungkannya dengan susah payah dan melahirkannya dengan menanggung kesulitan. (al-Ahqaf: 15). Ayat ini menjelaskan bahawa ibu merupakan insan yang wajib didahului dan ditaati kerana perit jerihnya mengandungi dan melahirkan (Hamka, 2022; Ibn Kathir, 1997).

Pembentukan keluarga dalam Islam menjadikan pendidikan agama sebagai dasar bagi anak-anak menempuhi kehidupan dunia (Ubaidillah, 2019). Ini adalah prinsip asas peranan ibu dalam keluarga yang difahami daripada al-Quran dan hadis. Kajian membuktikan kasih sayang yang dianjurkan oleh al-Quran dan hadis sangat memberi kesan terhadap kesihatan mental, pergaulan dan akhlak anak (Salehizadeh dan Abbasi 2021). Terdapat beberapa hadis yang terkait dengan peranan dan tanggungjawab ibu terhadap perkembangan aspek psikologi, spiritual, akhlak, intelektual dan sosial seorang anak (Padilah, 2021; Fauziyah, 2019).

Kajian berkenaan peranan ibu dalam keluarga juga mendapat perhatian untuk dijadikan kajian kerana ibu dan keluarga merupakan tempat pertama pembentukan seorang insan. Peranan dan keterlibatan ibu

dalam kehidupan berkeluarga memiliki cabaran dan ujian yang tersendiri lebih-lebih lagi pada permulaan abad ke-20 kerana ibu bukan hanya berperanan sebagai seorang suri rumah bahkan insan bergelar ibu juga turut terlibat dalam pelbagai bidang seperti politik, ekonomi dan sebagainya (Noor, 2020).

### **Spiritual dan Kepentingan Pembentukannya**

Dalam Islam, konsep spiritual melibatkan hubungan langsung dengan Allah SWT dan ia disebut tauhid. Al-Ghazali mengemukakan bahawa pembentukan spiritual seseorang melibatkan elemen hati, roh, jiwa dan akal (suriani et al, 2017). Dalam pada itu, elemen pembentukan spiritual tersebut yang akan dihadirkan dalam pendidikan roh dan penyucian jiwa yang merupakan proses pendidikan sepanjang hayat (Mohd Suhari & Mohd Farid, 2018). Pada pendapat Tajulashikin dan Nor Faizah (2014), elemen-elemen tersebutlah yang akan menghasilkan tingkah laku seseorang. Manakala, menurut Davic, maksud spiritual sukar untuk dikaitkan dengan pengertian agama kerana ia merujuk tingkah laku yang membentuk karakter seseorang (Emie, 2019). Ini kerana, spiritual pada pandangan barat adalah terasing daripada agama (Emie, 2019). Konsep spiritual dalam Islam lebih tepat kerana jika konsep spiritual dipisahkan daripada agama ia akan membawa keuntungan di dunia sahaja sedangkan matlamat kehidupan muslim adalah di dunia dan akhirat (Tajulashikin & Nor Faizah, 2014).

Di sini dapat difahami bahawa aspek spiritual merupakan asas pembentukan kepada aspek-aspek lain dalam kehidupan manusia. Disebabkan itu, Allah mengutuskan para nabi sebagai contoh teladan, menyampaikan perkara makruf serta memberi peringatan terhadap perkara mungkar supaya jati diri muslim yang teguh akan terbentuk (Tajulashikin & Nor Faizah, 2014). Mohd Fuad et al. (2017) mengatakan bahawa pembentukan rohani yang teguh dalam diri seseorang dapat menguatkan jiwa seseorang dalam menghadapi ujian dan cabaran dalam kehidupan. Tambahnya, rohani baik atau buruk dapat dilihat pada seseorang berdasarkan akhlaknya. Selain itu pembentukan rohani berlandaskan al-Quran dan hadis dapat menjauhkan diri daripada perasaan negatif, melindungi diri daripada kecenderungan syahwat dan menumbuhkan memantapkan keimanan terhadap rukun iman yang lima (Rudi, 2011).

### **METODE KAJIAN**

Kajian ini ialah kajian kualitatif yang menggunakan kaedah analisis dokumen. Ia bertujuan untuk menganalisis makna kontekstual hadis peranan ibu terhadap pembentukan spiritual anak., Perincian metode kajian ini adalah seperti berikut:

#### **Pengumpulan Data**

##### a) Pengekstrakan hadis

Proses pengekstrakan data hadis yang berkaitan dengan peranan ibu hanya memberi fokus kepada hadis-hadis yang terdapat dalam Kitab Sahih al-Bukhari. Pengekstrakan hadis dilakukan dengan mengenal pasti hadis yang mengandungi perkataan '*umm*' (ibu). Carian diluaskan lagi dengan mengumpul perkataan yang ada hubungkait dengan perkataan *umm* berdasarkan satu teori yang dinamakan dengan *Semantic Field Theory* (SFT) (Teori Medan Makna). Dengan menggunakan teori SFT ini, hadis yang diekstrak tidak hanya melibatkan perkataan *umm* sahaja, malah ia melibatkan perkataan sinonim, antonim, hiponim dan meronim bagi perkataan *umm*.

Selanjutnya, hadis perkataan *umm* beserta dengan dapatan perkataan lain berdasarkan SFT diekstrak dengan menggunakan software *Maktabah Syamilah*. Pengekstrakan hadis bagi semua perkataan ini merangkumi *mufrad* (tunggal), *Muthanna* (gandaan dua), *jama'* (lebih dari dua), *ma'rifah* (nama khas), *nakirah* (nama am) dan 14 *dhomir* (kata ganti nama). Hasil carian mendapati sebanyak 24

perkataan yang ada hubung kait dengan perkataan *umm* berdasarkan SFT. Perkataan-perkataan tersebut adalah *walidah, jaddah, mar'ah, untha, nisa', walad, shobi, ibn, ghula, jariah, hafid, 'ammah, khalah, hawa', sayidah, thifl, anisah, 'azab, armalah, ayma, umumah, murdhi'ah, wiladah* dan *hamil*. Jumlah keseluruhan bilangan hadis perkataan *umm* berdasarkan SFT adalah sebanyak 1461.

b) Mengenalpasti hadis peranan ibu terhadap pembentukan spiritual anak

Pada fasa ini, kesemua 1461 hadis dikeluarkan lafaznya secara lengkap dan dirujuk terjemahannya dalam Bahasa Melayu. Seterusnya proses kenalpasti kaitan hadis dengan peranan ibu terhadap pembentukan spiritual anak diteruskan dengan berpandukan keterangan yang terdapat dalam *kutub syuruh* hadis sahih al-Bukhari Dengan berpegang kepada metod deduktif, hanya hadis yang berkaitan dengan peranan ibu terhadap spiritual anak dipilih. Antara kitab syarah hadis utama yang dirujuk ialah *Fathul Bari, Umdatul Qari dan Irsyad Sari*. Hasil penelitian daripada 1461 hadis, sebanyak 29 hadis terkait dengan peranan ibu secara umum dan hanya 5 hadis sahaja terkait dengan peranan ibu terhadap pembentukan spiritual anak.

### Analisis Data

a) Mengenal pasti makna kontekstual hadis

Dalam memahami makna kontekstual hadis yang dipilih, kajian ini berpegang kepada satu dapatan artikel yang telah menghimpun dan menganalisis prinsip memahami teks hadis. Artikel yang dimaksudkan ialah artikel yang bertajuk “*Revisiting Scholars’ Principles on Extracting Proper Hadith Understanding*” (Ikmal et al, 2015). Penulis mendapati himpunan prinsip ini sesuai untuk dijadikan sebagai kerangka yang dipegang ketika menganalisis makna kontekstual hadis peranan ibu terhadap pembentukan spiritual anak kerana ia sudah merangkumi semua prinsip yang perlu diberi perhatian bagi memahami hadis dengan tepat. Prinsip-prinsip itu ialah iaitu memahami bahasa Arab, memahami hadis berdasarkan al-Quran dan hadis lain, menguasai ilmu hadis, memahami ilmu fiqh, mengetahui sejarah Islam dan bersederhana dalam menjelaskan hadis.

b) Analisis *dilalah lafaz* hadis

Bagi memahami nas syarak (teks al-Quran atau teks hadis), adalah menjadi satu kemestian untuk merujuk kepada *dilalah lafaznya* kerana nas syarak dalam Bahasa Arab. Justeru, dalam kondisi memahami *dilalah lafaz* bagi hadis peranan ibu terhadap pembentukan spiritual anak, penulis berpegang kepada prinsip yang telah digariskan oleh al-Samara’i dalam penafsirannya terhadap lafaz-lafaz al-Quran. Walaupun prinsip ini digunakan semasa mentafsir ayat al-Quran, namun ia boleh digunakan juga bagi menganalisis *dilalah lafaz* hadis kerana prinsip ini merupakan prinsip umum memahami lafaz Bahasa Arab. Prinsip-prinsip ini termasuklah mengenal pasti *tasyabuh* dan *ikhtilaf, al-zikr* dan *hazaf, taqdim* dan *ta'khir, 'am* dan *khas, muthlaq* dan *muqayyad*, sintaksis dan morfologi. Kesemua prinsip ini merupakan tunjang kepada ketepatan memahami makna kontekstual hadis kerana ia membahaskan tentang *dilalah lafaz* hadis.

### HASIL DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Daripada 29 hadis Sahih al-Bukhari berdasarkan SFT perkataan *umm* yang berkaitan dengan peranan ibu, hanya 5 hadis sahaja yang berkaitan dengan peranan ibu terhadap pembentukan spiritual anak. 5 hadis ini padanya terdapat perkataan iaitu *umm*, dan 3 perkataan antonim dan meronim bagi *umm* iaitu *shobi, wiladah* dan *ibn* sebagaimana yang terdapat pada Jadual 1.

Kesemua 5 hadis yang terkait secara langsung dengan peranan ibu terhadap pembentukan spiritual anak akan dianalisis berdasarkan gabungan prinsip-prinsip memahami makna kontekstual hadis dan prinsip analisis *dilalah lafaz*. Berikut adalah perinciannya:

**Jadual 1.** Hadis peranan ibu terhadap pembentukan spiritual anak dalam Sahih al-Bukhari

Bil	SFT Perkataan Umm	Jenis perkataan berdasarkan SFT	Hadis (awal matan)	Ringkasan Terjemahan	Takhrij Hadis
1	Shobi صي	Antonim	من أصبح مفطرا، فليتم بقية يومه ومن أصبح صائما، فليصم»، قالت: فكنا نصومه بعد، ونصوم صبياننا	Barangsiapa di pagi hari tidak berpuasa maka hendaklah dia menyempurnakan sisa harinya dengan berpuasa dan barangsiapa pada pagi dalam keadaan puasa, maka hendaklah dia meneruskan puasa”. Rubayi’ berkata: “maka setelah itu kami berpuasa dan menyuruh anak-anak untuk berpuasa	No. 1960, Kitab al-shaum, Bab shaum shibyan
2	Umm أم	Lafaz Induk	كان في بني إسرائيل رجل يقال له جريج، كان يصلي، فجاءته أمه فدعته	Dalam Bani Israil terdapat seorang lelaki bernama Jurajj, beliau sedang solat lalu datang ibunya dan memanggilnya	No. 3436. Kitab ahadith anbiya’, Bab firman Allah SWT 19:16
3	Umm أم	Lafaz Induk	ما من مولود إلا يولد على الفطرة، فأبواه يهودانه، وينصرانه، أو يمجسانه	Tidak ada seorang anak yang lahir melainkan dilahirkan di dalam keadaan fitrah. Maka kedua orang tuanya yang menjadikannya yahudi, nasrani atau majusi.	No. 1358, Kitab al-janaiz, Bab idza aslama shobi fa mat
4	Wiladah ولادة	Meronim	ما من مولود يولد إلا والشيطان يمسه حين يولد، فيستهل صارخا من مس الشيطان إياه	Tidak ada seorang anak yang dilahirkan melainkan syaitan akan menyentuhnya saat dilahirkan, maka dia pun berteriak menangis kerana sentuhan syaitan terhadapnya, kecuali Maryam dan puteranya	No. 4548, Kitab tafsir, Bab firman Allah SWT 3:36

5	Ibn ابن	Antonim	<p>كان سعد يعلم بنيه هؤلاء الكلمات كما يعلم المعلم الغلمان الكتابة ويقول: إن رسول الله صلى الله عليه وسلم كان يتعوذ منهن دبر الصلاة: «اللهم إني أعوذ بك من الجبن، وأعوذ بك أن أزد إلى أرذل العمر</p>	<p>Kebiasaannya sa'ad mengajar anaknya kalimat (doa-doa) sebagaimana seorang guru mengajar kanak-kanak menulis. Beliau berkata: Rasulullah meminta perlindungan di akhir solatnya: Ya Allah, aku berlindung denganmu daripada sifat pengecut dan nyanyuk..</p>	<p>No. 2822, Kitab al-jihad wa as-sair, Bab ma yata'-awudz min jubni</p>
---	------------	---------	--	--	--

Jadual 1 menunjukkan 5 hadis yang terkait secara langsung dengan peranan ibu terhadap pembentukan spiritual anak. Hadis-hadis ini akan dianalisis berdasarkan gabungan prinsip-prinsip memahami makna kontekstual hadis dan prinsip analisis *dilalah lafaz*.

### Analisis Makna Kontekstual Hadis Peranan Ibu dalam Sahih al-Bukhari

#### 1) Menyemai Akidah Anak Dengan Akidah Yang Benar

Zahir hadis no.3 bermaksud Allah SWT menjadikan setiap manusia yang lahir bersedia menerima Islam (fitrah). Kemudian ibu bapanyanya mengarah dan mengajarnya Yahudi jika ibu bapanya seorang yahudi begitu juga jika ayahnya Nasrani, Majusi atau agama lain. Jiwa manusia juga diciptakan untuk menerima apa yang dipamerkan kepadanya dari segi kepercayaan, perbuatan dan perkataan (Mazharuddin, 2012; Ibn Hajar, 2002). *Dilalah lafaz* peranan ibu dalam menyemai akidah anak adalah berdasarkan maksud di bawah:

Perkataan 'yulad' yang dibuang pelakunya (*mabni lil majhul*) iaitu anak atau bayi yang sudah pasti dilahirkan oleh seorang ibu merupakan *syahid* (bukti) bagi peranan ibu terhadap spiritual anak. Ini diperkuatkan dengan didatangkan selepasnya 'فأبواه' yang bermaksud kedua ibu bapa. Al-Thibiyy berpandangan, huruf 'fa' pada perkataan tersebut sama ada bermaksud ulasan, sebab atau jawab syarat. Jika ditetapkan maksud berdasarkan pendapat tersebut, ia akan memberi maksud sesiapa yang berubah daripada fitrahnya adalah disebabkan oleh ibu bapanya. Perubahan itu dilakukan sama ada dengan cara pendidikan, galakan atau mengikut agama orang tuanya (Ibn Musa, 2014).

Justeru, ibu bertanggungjawab dalam mendidik anak dengan akidah yang benar. Dalam pada itu, penyemaian akidah anak merangkumi rukun iman, rukun Islam dan syariah (Ulwan, 1992). Menurut Ulwan (1992), prinsip Rasulullah SAW dalam membina akidah anak ialah dengan mengajar perkataan *la ilaha illallah*. Hal ini supaya perkataan tersebut menjadi perkataan pertama didengari, perkataan pertama yang fasih dan difahami maksudnya. Selain itu, pengetahuan tentang halal dan haram merupakan salah satu prinsip lain yang perlu diajar kepada anak apabila mereka mula memahami. Pengetahuan tersebut termasuklah perintah dan larangan Allah SWT seperti rukun Islam. Akidah juga perlu diteguhkan dengan menanam dalam diri anak sifat kecintaan terhadap rasulullah SAW, keluarganya dan al-Quran dengan mencerita kisah kehidupan Nabi SAW, para sahabat dan tokoh Islam selain mereka.

Sabda Nabi SAW:

يا غلام، إني أعلمك الكلمات: احفظ الله يحفظك، احفظ الله تجده تجاهك (رواه الترمذي)

Terjemahan: “Wahai budak! Aku berpesan kepadamu beberapa perkara: jagalah Allah, nescaya Dia akan menjagamu, jagalah Allah, nescaya Dia akan selalu berada di hadapanmu”. (Al-Tirmidzi, 1975)

Hadis ini menjelaskan bahawa melaksana perintah Allah SWT dan menjauhi larangan-Nya akan dipelihara akidah daripada berbolak-balik serta dijauhkan daripada kesesatan (Mustafa & Muhyidin, 2007). Jelas daripada maksud tersebut, mendidik anak-anak mentaati perintah Allah SWT, menjauhi larangan-Nya, melakukan perkara yang mendekatkan diri kepada Allah SWT dapat mengukuhkan akidah mereka.

## 2) Melatih Anak Melakukan Ibadah

### i) Melatih anak melakukan ibadah puasa

Hal ini dapat dilihat menerusi hadis no.1, yang mana ia menjelaskan kebiasaan para sahabat melazimi puasa Asyura kerana ianya satu kewajipan ketika itu dan kemudian ianya telah dinasakh. Hukum puasa hari asyura berubah mengikut 3 peringkat: 1) Nabi berpuasa di Mekah, ketika ini tidak disyariatkan untuk ummah, bahkan ia ibadah dari agama Nabi Ibrahim. 2) Nabi berpuasa dan mengarahkan umatnya berpuasa selepas hijrah selepas mendapati yahudi berpuasa pada hari tersebut dan peringkat ini berakhir dengan fardhu puasa Ramadhan. Ulama berbeza pendapat puasa ketika peringkat ini: sebahagian Syafie: wajib kemudian di nasakh kewajibannya. Sebahagian lagi berpendapat ianya harus sahaja. 3) Adapaun, hukum puasa Asyura selepas kefardhuan puasa Ramadhan Ijma' mengatakan ianya sunat dan an-Nawawi berpendapat hukumnya sunat muakkad (Lasyin, 2002).

Dalam pada itu, ketika para sahabat mendapat perintah untuk berpuasa Asyura, mereka turut mengarah dan melatih anak-anak mereka berpuasa. Pelatihan tersebut berdasarkan perkataan “ونصوم” وصباننا” merupakan *fe'el mudhori* yang didatangkan dalam bentuk *fe'el mazid* (يُفَعِّلُ) dan ia mengandungi maksud memperbanyakkan (Al-Samara'i, 2013). Ia bermakna, para sahabat berkali-kali melatih anak mereka berpuasa. Manakala, *dhomir* 'nun' di hadapan merujuk kepada pencerita dan orang sekelilingnya. Jika dilihat pada sanad hadis pencerita adalah Rubayi' bint Mua'awidh dan beliau ialah seorang perempuan dan ibu kerana didatangkan selepasnya perkataan 'shibyanina'. Adapun, perkataan '*shobi*' merujuk bayi yang baru lahir sehingga mencapai umur 15 tahun (Al-Thahn, 2010; Ibn Hajar, 2002). Oleh itu, galakan dan pelatihan agar anak melakukan sesuatu ibadah hendaklah bermula ketika mereka masih di peringkat kanak-kanak dan berulang-ulang.

Berdasarkan penjelasan tersebut, perbuatan para sahabat terhadap anak mereka bukanlah satu kewajipan tetapi kebiasaan mereka yang perlu dicontohi oleh generasi sekarang dan Nabi SAW tidak melarangnya. Dengan melatih anak melakukan ibadah sejak dari kecil ia mendatangkan banyak kesan positif pada diri mereka. Kesan positif tersebut ialah mereka sudah memahami hukum ibadah apabila dewasa kelak dan akan terbiasa melakukan ibadah tersebut. Kebiasaan itu akan membentuk jiwa yang taat kepada perintah-Nya dan akan bergantung segala sesuatu hanya kepada-Nya (Ulwan, 1992). Secara tidak langsung, ibadah-ibadah yang dilakukan akan menatijahkan roh yang suci, akhlak mulia dan baik dari segi perkataan mahupun perbuatan. Seperti yang dibuktikan oleh Mohd Nasir dan Wan Ismail (2013), selain sebagai simbol takwa kepada Allah SWT, ibadah puasa yang dilaksanakan akan membentuk jiwa yang sabar, sifat ihsan, kasih sayang dan hormat menghormati sesama makhluk.

Begitu juga, dengan melakukan ibadah lain akan membentuk insan yang taat, ikhlas, istiqamah, tenang dan jiwa yang sihat (Mohd Nasir dan Wan Ismail, 2013).

ii) Melatih anak berdoa

Hadis no.5 menceritakan tentang Saad bin Abi Waqas mengajar anak-anaknya doa yang sering dibaca Nabi SAW pada akhir solat iaitu doa meminta perlindungan daripada sifat penakut, nyanyuk, fitnah dunia dan fitnah kubur (Syihabuddin, 2002). Berdasarkan hadis ini, peranan ibu tidak disebutkan secara langsung tetapi cara seorang ayah di dalam hadis ini mengajar anaknya perlu dicontohi oleh ibu kerana salah satu tugas ibu adalah mendidik anak.

Perkataan '*kana*' (كان) dalam hadis no.5 merupakan *fe'el naqish* yang mengkhabarkan perbuatan mereka pada ketika itu (al-Samara'i, 2000). Adapun penyebutan *khavar* (خير) *kana* iaitu mengajar (يعلم) dalam bentuk *fe'el mudhori* dalam bentuk يُعَلِّمُ memberi maksud Saad mengajar anaknya berdoa dengan doa yang diajar oleh Rasulullah SAW merupakan perbuatan kebiasaan baginya (al-Samara'i, 2000; al-Qari, 2002). Adapun, perkataan '*bani*' merujuk anak yang ramai (al-Qari, 2002). Walaupun ia berbentuk *mufrad* tetapi ia membawa maksud lebih banyak daripada perkataan *jama' abna'* (al-Samara'i, 2006). Dapat difahami bahawa Sa'ad mengajar anak yang mempunyai bilangan yang ramai. Seperti diceritakan Mus'ab bin Saad di dalam kitab *Tabaqat* bahawa Sa'ad memiliki 14 orang anak lelaki dan 17 orang anak perempuan (Ibn Hajar, 2002). Walaubagaimanapun, Ibn Hajar (2002) menjelaskan bahawa beliau tidak dapat menemui nama anak-anak Saad yang dimaksudkan dalam hadis ini.

Meskipun yang disebutkan ialah *bani* (anak) yang disandarkan kepada ayah, tetapi perkataan يعلم بنيه (mengajar anaknya) menunjukkan ibu juga memiliki peranan di dalamnya iaitu mendidik. Ini kerana mendidik anak dengan perkara yang memberi manfaat pada agama, dunia dan akhirat termasuk dalam tanggungjawab ibu seperti dalam hadis:

والمرأة راعية على أهل بيت زوجها وولده

Berdasarkan hadis ini, ibu bertanggungjawab mengurus urusan rumah, anak-anak, khadam dan suami (Muhammad, 2005). Oleh itu, ibu juga perlu mengajar anak berdoa dalam memelihara anak dengan perkara-perkara yang bermanfaat. Kaedah para sahabat dalam mendidik anak mereka boleh diteladani oleh para ibu kerana mereka hidup pada kurun yang terbaik. Antara kaedah mereka ialah memilih waktu-waktu yang mustajab untuk mengajak anak-anak dan keluarga mereka berdoa. Mereka tidak mengajar anak-anak mereka berdoa ketika menghabiskan bacaan al-Quran sahaja. Malah, sebahagian sahabat meninggikan suara ketika berdoa atas tujuan mengajar anak mereka seperti yang dilakukan oleh Abu Bakrah yang berdoa dengan doa tertentu pada waktu tertentu. Begitu juga yang dilakukan oleh Saad dalam hadis 5 yang membacakan doa tersebut kepada mereka dan pada masa yang sama memelihara mereka dengan doa tersebut (al-Jabiri, 2016).

### 3) Berdoa Untuk Anak

a) Hadis no.2 mengecualikan hanya tiga orang yang boleh bercakap ketika masih dalam buaian berdasarkan perkataan '*illa*' iaitu Nabi Isa AS, bayi yang dituduh anak Juraij dan bayi yang sedang menyusu (Badruddin, n.d). Sementara itu, maksud berdoa untuk anak boleh dilihat pada lafaz-lafaz berikut:

Disebut secara jelas pada hadis no.2 yang terdapat padanya perkataan *umm* (ibu), bahawa yang datang dan memanggil Juraij ialah ibunya. Huruf 'fa' pada '*faja'athu*' (فجاءته) dan '*fada'athu*'



(فدعته) ialah huruf ‘*athaf* (عطف) yang mengandungi maksud turutan bahawa ibunya datang dan memanggilnya. Ibn Hajar (2002) menjelaskan setelah menggabungkan beberapa riwayat hadis ini bahawa ibu Juraij datang kepadanya sebanyak tiga kali. Ketiga-tiga kedatangan tersebut beserta panggilan ibunya tidak disahut oleh Juraij kerana dia sedang melakukan solat. Disebabkan itu, ibunya kemudian berdoa pada kali ketiga kedatangannya (فقال اللهم) agar Allah SWT tidak mematikan Juraij sebelum melihat wajah-wajah pelacur. Doa ibunya dikabulkan apabila Juraij dituduh menghamilkan seorang pelacur. Meskipun Ibu Juraij sangat marah, dia tidak mendoakan keburukan yang melampau seperti kebinasaan dan pembunuhan bagi anaknya (Ibn Hajar, 2002).

- b) Selain itu, hadis no.2 padanya terdapat perkataan ‘*mar’ah*’ مرأة. Menurut Abu al-Hasan perkataan *mar’ah* bermaksud isteri kepada seorang lelaki dan bangsa Arab tidak menyebutnya (isteri) dengan ‘*zaujah*’ kecuali dalam syair. Mar’ah juga merujuk *halilah*, *haubah* rajul, *hibah* (ibu saudara sebelah ibu) dan *umm* (ibu) (Al-Huna’i, 1989). Adapun di dalam hadis disebut perkataan ‘*mar’ah*’ (perempuan) yang didatangkan setelahnya perbuatan perempuan tersebut sedang menyusui dan memiliki anak menunjukkan bahawa perempuan tersebut ialah seorang ibu. Kisah kedua ini menyingkap tabiat wanita yang mendahulukan kebaikan untuk anaknya. Ini kerana wanita dalam kisah ini berdoa meminta kebaikan dan memohon perlindungan dengan perkataan “اللهم” daripada keburukan untuk anaknya tanpa menyebut-nyebut dirinya (Ibn Hajar, 2002, Lasyin, 2002).
- c) Seterusnya hadis no.4 menerangkan permusuhan syaitan yang sangat kuat antara manusia. permusuhannya boleh dilihat ketika anak-anak dilahirkan dalam keadaan lemah yang mendorong kepada sentuhan syaitan. Justeru, hadis ini terkandung doa diajarkan oleh Nabi SAW agar dijauhkan anak daripada godaan syaitan (Syaibani, 1997). Penjelasan *dilalah lafaz* peranan ibu dalam hadis ini adalah seperti berikut:

Hadis no.4 menunjukkan satu perintah iaitu ‘واقرءوا إن شئتم’. Perintah (bacalah) tersebut mengandungi perbuatan yang perlu di lakukan pada masa depan sama ada masa tersebut dekat atau jauh. Walau bagaimanapun, perintah tersebut bukanlah bermaksud satu kewajipan kerana di datangkan selepasnya ‘jika kamu mahu’. Galakan berdoa agar dijauhkan daripada godaan syaitan adalah disebabkan ayat “ما من مولود يولد” . Ia mengandungi satu penegasan dan maksud secara umum iaitu tidak ada seorang anak yang dilahirkan melainkan syaitan menyentuhnya. Manakala, perkataan ‘*yulad*’ yang dibuang pelakunya (*mabni lil majhul*) iaitu anak atau bayi yang sudah pasti dilahirkan oleh seorang ibu merupakan dalil bahawa para ibu termasuk dalam galakan tersebut.

Berdasarkan penjelasan di atas, peranan ibu terhadap pembentukan spiritual anaknya ialah sentiasa mendoakan kebaikan kepadanya dan tidak melampau dalam berdoa untuknya. Hal ini kerana doa ibu adalah doa mustajab dan ibu perlu mengawal diri daripada mendoakan keburukan buat anak (Abd Razzaq, 2020), seperti sabda Nabi SAW yang bermaksud: “tiga doa yang mustajab tanpa ragu padanya: doa ibu bapa, musafir dan orang dizalimi (diriwayatkan Abu Daud dalam sunannya). Selain itu, ibu digalakkan berdoa seperti doanya isteri Imran iaitu memohon perlindungan kepada Allah SWT buat anak dan zuriatnya daripada gangguan syaitan. Ini kerana, hasil daripada doa tersebut, Maryam dibesarkan oleh Nabi Zakariya AS dalam kebaikan, ilmu dan agama (al-Maturidi, 2005). Malah, sifat taat dan waraknya diwarisi oleh anaknya Nabi Isa AS (Ibn Kathir, 1997). Berdasarkan penjelasan tersebut, doa ibu terkandung keberkatan yang sangat penting untuk agama anak dan keturunannya.

Di samping itu, peranan doa dalam kehidupan muslim tidak dinafikan kepentingannya. Ini kerana doa akan melahirkan rasa yakin dan pengharapan dalam diri seseorang untuk mencapai keinginan dan hajatnya. Pengharapan dan keyakinan tersebutlah yang akan mendorong seseorang untuk selalu berusaha kerana dia percaya bahawa terdapat satu kuasa besar yang akan menunaikan hajatnya (Bhasah

& Sakinah, 2009). Dalam pada itu, doa memiliki banyak peranan dalam kehidupan muslim iaitu sebagai pembuka pintu rahmah, berlindung daripada musibah dan bala dan ia merupakan senjata bagi muslim (Bhasah & Sakinah, 2009). Antara contoh doa berlindung daripada musibah dan keburukan boleh dilihat pada hadis 2,4 dan 5. Adapun, doa dianggap senjata muslim kerana kemampuan dan pengetahuan manusia sangat terbatas untuk mengetahui masa depannya dan alam ghaib.

## **KESIMPULAN**

Hasil dapatan mendapati gabungan prinsip memahami hadis dengan memberi penekanan kepada prinsip mamahami *dilalah lafaz* berdasarkan apa yang disebut oleh al-Samara'i dapat mentuntaskan aspek yang perlu dilakukan oleh ibu dalam membentuk spiritual seorang anak. Dapatan kajian menunjukkan peranan ibu dalam pembentukan spiritual anak dalam merangkumi penyemaian akidah, pelatihan ibadah dan berdoa buat mereka. Walaupun secara literal, matan hadis tidak menunjukkan kepada dua aspek ini, namun ia terhasil dengan menganalisis makna kontekstual dan memberi perhatian kepada *dilalah lafaz*. Pembentukan spiritual anak berlandaskan panduan yang dikorek daripada pemahaman makna kontekstual hadis yang dikemukakan di atas akan menjadikan anak insan yang taat dan memiliki jati diri yang teguh dalam menempuh cabaran era teknologi ini. Kajian ini hanya memetik sebahagian kecil hadis berkaitan pembentukan spiritual anak. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar pada masa akan datang ia boleh diluaskan skop pengekstrakan hadis dengan meluaskan skop pemilihan hadis berdasarkan perkataan selain daripada perkataan *umm*.

## **PENGHARGAAN**

Kajian ini mendapat sokongan daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) - RGS/1/2020/SSI0/USIM/02/1 dengan tajuk “Model Baharu Pengekstrakan Makna Kontekstual Hadis Peranan Wanita Dalam Domain Kekeluargaan Berdasarkan Pendekatan Ontologi” dengan kerjasama Fakulti Pengajian dengan kerjasama dengan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah dan Universiti Sains Islam Malaysia.

## RUJUKAN

- Abd Razzaq bin Abd Al-Muhsin Al Badr. 2020. *Prinsip pendidikan anak-anak*. Selangor: karya PIS.
- Alamsyah, Mahmudah, S., & Huda, S. (2020). The Contextualization of Hadith in Indonesia: Nusantara Ulema's Response to Islamists. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*, 24(7), 1548–1558.
- Al-Askariy, Abu Hilal. 1991. *Mu'jam Furuq al-Lughawiyah*. Muasasah al-Nasyr al-Islami al-Tabi'ah li Jama'ah al-Madrasiyin.
- Al-Bukhari, Abu 'Abdullah. 2001. *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Tauq an-Najah.
- Al-Huna'i, Ali bin Hasan. 1989. *Al-Muntakhab min Gharib Kalam al'Arab*. Jami'ah Ummul Qura.
- Al-Jabiri, Ahmad. 2016. *Adab al-Tarbiyah fi turath al-ali wa al-ashab*. Kuwait: Mabarrah al-ali wa al-Ashab.
- Al-Karmani, Syamsuddin. 1981. *Al-Kawakib Darari fi Syarah Sahih Bukhari*. Beirut: Dar Ihya Turath al-'Arabi.
- Al-Maturidi, Muhammad bin Muhammad. 2005. *Tafsir al-Maturidi*. Lubnan: Dar Kutub Ilmiah.
- Al-Qari, Ali bin Muhammad. 2002. *Mirqah al-Mafatih Syarah Misykah al-Masabih*. Lubnan: Dar al-Fikr.
- Al-Samara'i, Sholih Fadhil. 2000. *Ma'ani al-Nahw*. Jordan: Dar al-Fikr lil Thaba'ah wa Nasyr wa Tauzi'.
- Al-Samara'i, Sholih Fadhil. 2006. *Balaghah al-kalimah fi Ta'bir al-Ma'ani*. Kaherah: al-'Atik li Shona'ah al-Kitab.
- Al-Samara'i, Sholih Fadhil. 2013. *As-Sorf al-'Arabi Ahkam wa Ma'an*. Dar Ibn Kathir.
- Al-Syarbini. 1868. *Al-Siraj al-Munir fi al-I'annah 'ala ma'rifah ba'dh kalam rabbuna*. Kaherah: Matba'ah Bulaq.
- Al-Thahan, Abdul Rahim. 2008. *Khatb wa Durus Syaikh Abdul Rahim Al-Thahan*. Maktabah Syamilah.
- Badruddin. (n.d). *Umdatul Qari' Syarah Sahih Bukhari*. Beirut: Dar Ihya' Turath al-'Arabi.
- Bhasah, Abu Bakar & Sakinah, Ahmad. 2009. Pemantapan Dan Penghayatan Doa Di Peringkat Awal Remaja. *International Conference on Teaching and Learning in Higher Education*.
- Cut Irhamna, H. (2021). Manajemen Parenting Ibu Karir dalam Mewujudkan Pendidikan Spiritual Anak. *Al-Ilmu*, 6(2), 122–140.
- Emie Sylviana. 2019. Pembangunan Spiritual: Konsep dan Pendekatan dari Perspektif Islam. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, v2, p64-87.
- Fauziyah, Y. (2019). *Peran Ibu Terhadap Pendidikan Anak Dalam Islam Menurut Abdullah Nashih Ulwan* [Universiti Agama Islam Negeri Raden Intan Lampung].

- Hamka. 2022. *Buya Hamka Berbicara Tentang Perempuan*. Jejak Tarbiah.
- Ibn Hubairah. 1996. *al-Ihsah 'an Ma'ani al Shihah*. Dar al-Wathan.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Ismail. 1997. *Tafsir Quran al-'Azim*. Lubnan: Dar Kutub ilmiah.
- Ibnu Hajar. 2002. *Fathul Bari*. Indonesia: Pustaka Azzam.
- Ibnu Musa, Muhammad bin Ali. 2014. *Al-Bahr Muhith al-Thajjaj fi Syarah Sahih Imam Muslim*. Dar Ibn al-Jauzi.
- Idris, S. (2020). Paradigma Baru Hadis: Telaah Pemikiran M.Syuhudi Ismail. *SHAHIH: Jurnal Ilmu Kewahyuan*, 3(2), 1–23.
- Ikmal Hafiz, Juliyana, Norzulaili Mohd & Hishomudin. 2018. Revisiting Scholars' Principles on Extracting Proper Hadith Understanding. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 3(10), p87-98
- Lasyin, Musa Syahin. 2002. *Fathul Mu'im syarah sahih Muslim*. Darul syuruq.
- Mohd Fuad Othman, Mohd Aderi Che Noh, Maimun Aqsha Lubis dan Wan Nurul Syuhada'. 2017. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, v1(1), p64-77.
- Mohd Nasir, M & Wan Ismail, W. D. (2013). Peranan Ibadah Terhadap Kesehatan Jiwa. In *Seminar Falsafah Sains dan Teknologi* (pp. 1-9).
- Mohd Suhari & Mohd Farid. 2018. Pembangunan Spiritual dalam Pelaksanaan Program Tarbiyah. *Afkar*, v20, no.2, p127-158.
- Muhammad, Ibn Ali bin Adam. 2005. *Bahr al-Muhith al-Thajjaj fi Syarah Sahih Muslim*. Riyadh: Dar Ibn Jauzi.
- Muhamad, N. (2016). Signifikansi Pemahaman Kontekstual pada Era Global (Analisis Hadis Ijtima'i). *Riwayah : Jurnal Studi Hadis*, 2(2), 225.
- Muhamad Rozaimi, R. & Miftachul, H. (2022). Between Text and Context: Understanding Ḥadīth through Asbab al Wurud. *Religions*, 13(2).
- Muslim, Abu al-Hasain. 1955. *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya' Turath al-A'rabi.
- Mustafa, Bugha & Muhyuddin, Misto. 2007. *Al-wafi fi syarah al-Arba'in al-Nawawiyah*. Beirut: Dar Kalam Toyyib.
- Padilah, N. (2021). *Urgensi parenting perspektif hadis*. p1–20. <https://doi.org/10.31219/osf.io/ndq3c>.
- Ridho. 1959. *Mu'jam Matan Lughah*. Beirut: Dar Maktabah al-Hayah.
- Rudi Ahmad Suryadi. 2011. Hadis Sumber Pemikiran Tujuan Pendidikan. *Jurnal Pendidikan Agama Islam- Ta'lim*. V.9 (2), p161-185.

Salehizadeh, M. I., & Abbasi, N. (2021). The Role of Parental Love in the Mental Health of Children from the Perspective of the Qur'an and Hadith. *International Journal of Multicultural and Multireligious Understanding*, 8(7), 752.

Suriani Sudi, Fariza Md Sham & Phayilah Yama. 2017. Kecerdasan Spiritual Menurut Perspektif Hadis. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, v2, no.2, p1-11.

Suriani, S., Sham, Fariza, M. & Phayilah, Yama. (2018). Pembentukan Spiritual menurut Islam sebagai Solusi dalam Menangani Permasalahan Sosial. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 5(2), 269-278.

Syaibani, Yahya bin Muhammad. 1997. *Al-Ifsah 'an ma'ani Sihah*. Dar al-Wathan.

Syihabuddin. 2002. *Irsyad Sari*. Mesir: Mathba'ah Kubra al-Amiriah.

Tajulashikin, J., & Faizah, A. N. (2014). Perbandingan Konsep Kecerdasan Spiritual Dari Perspektif Islam Dan Barat: Satu Penilaian Semula. Satu Penilaian Semula. *In Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization ICasic*, (pp. 4-5).

Ubaidillah, M. B. (2019). Pendidikan Islamic Parenting dalam Hadith Perintah Salat. *Jurnal Darussalam: Jurnal Pendidikan, Komunikasi & Pemikiran Hukum Islam*, 10(2), 349.

Ulwan, Abdullah Nasih. 1992. *Tarbiyah al-Aulad fi Islam*. Dar salam li Thaba'ah wa al-Nashr wa al-Tauzi'. p.157-160.al